

30/06/2000

Cham terima 15 pengusaha baru kontena

Badrila Jamlus

PERSATUAN Pengangkut Kontena Malaysia (Cham) membuka keahliannya kepada 15 pengusaha baru kontena sebagai usaha untuk membantu meningkatkan perkhidmatan pengangkutan kontena di negara ini.

Presidennya, Mirzan Mahathir, berkata persetujuan untuk membuka keahlian itu diputuskan selepas membuat beberapa pindaan dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-10, semalam.

Beliau berkata, pengusaha baru itu boleh memilih sama ada untuk menjadi ahli prinsipal atau ahli bersekutu dengan objektif untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan berdaya saing.

"Kami mengalu-alukan pengusaha baru ini untuk menjadi ahli Cham kerana kami percaya industri ini perlu diliberalisasi agar objektif kerajaan dalam meningkatkan perkhidmatan serta memenuhi permintaan pasaran dapat dilaksanakan dengan lebih cekap," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat agung tahunan Cham di Kuala Lumpur, semalam.

Cham dianggotai lima pengusaha kontena iaitu Kontena Nasional Bhd, MISC Haulage Services Sdn Bhd, Konsortium Logistik Bhd, Diperdana Holdings Bhd dan Multimodal Freight Sdn Bhd.

Katanya, mereka yang mahu menjadi ahli prinsipal mempunyai hak untuk mengundi dan perlu membayar yuran keahlian tahunan RM20,000 manakala ahli bersekutu sebanyak RM10,000 setahun.

Selain itu, katanya, sebagai usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan, kelima-lima ahli Cham akan melabur lebih RM160 juta tahun ini membabitkan pembelian 400 prime mover (kepala lori) dan 2,000 treler sebagai tambahan kepada jumlah kenderaan yang sedia ada.

"Cham ketika ini mempunyai 2,212 prime mover dan 11,318 treler dan percaya dengan tambahan peralatan dan kenderaan akan membolehkan kami memenuhi permintaan pasaran pada masa depan selain mempunyai pengalaman luas," katanya.

(END)